



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAWAAN PENAJAAN BIASISWA DI BAWAH JICA KNOWLEDGE CO-CREATION PROGRAM FOR LONG TERM PARTICIPANTS – SDGS GLOBAL LEADER (JFY 2021 - 2023)

Japan International Cooperation Agency (JICA) telah membuka permohonan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) bagi penajaan biasiswa di bawah *JICA Knowledge Co-Creation Program For Long Term Participants – SDGs Global Leader JFY 2021-2023* (JICA-SDG JFY 2021 – 2023) untuk mengikuti pengajian peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah (Ph.D) di Jepun. Senarai universiti yang berkaitan adalah seperti di **Lampiran I**.

Justeru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku *nominating agency* bagi program tersebut mempelawa pegawai kumpulan P&P yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti di **Lampiran A** untuk memohon biasiswa JICA-SDG JFY 2021 – 2023 ini melalui Ketua Jabatan atau/dan Ketua Perkhidmatan masing-masing. Pegawai P&P yang berminat dan berkelayakan boleh melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal **<http://esilav2.jpa.gov.my>** mulai **5 Julai 2021 sehingga 10 September 2021**. Maklumat terperinci berhubung permohonan/ pencalonan bagi program penajaan biasiswa JICA-SDG JFY 2021 – 2023 ini adalah seperti di **Lampiran II**.

Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **sebelum atau pada 17 September 2021** sama ada melalui serahan tangan / pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

Sila hubungi talian **03 – 8885 3053** pada setiap hari bekerja (9.00 pagi – 5.00 petang) atau e-mel kepada penawaranldp@jpa.gov.my sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai program biasiswa JICA-SDG JFY 2021 – 2023 ini.

Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam

5 Julai 2021